



Terma-Terma & Syarat-Syarat Kempen Lagi Cover, Lagi Power

1. Keseluruhan Kempen

- 1.1. Kempen Lagi Cover, Lagi Power (“Kempen”) dianjurkan oleh Etiqa General Takaful Berhad (“Syarikat”) adalah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.2. Kempen ini bermula dari 1 Ogos 2021 hingga 31 Julai 2022 (“Tempoh Kempen”).
- 1.3. Kempen ini terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada.

2. Kelayakan

- 2.1. “Peserta Yang Layak” merujuk kepada pelanggan yang mengemukakan permohonan bagi pembaharuan perlindungan Takaful Kereta Etiqa yang dinyatakan dalam Tempoh Kempen berlangsung.
- 2.2. Langgan dan pembaharuan perlindungan Takaful Kereta Etiqa mestilah dibuat menerusi salah satu saluran berikut:
 - 2.2.1. Agensi / Ejen Takaful berdaftar
 - 2.2.2. MotorTakaful.com
 - 2.2.3. Maybank2U
 - 2.2.4. MYEG
 - 2.2.5. Cawangan Maybank AFS
 - 2.2.6. Cawangan Maybank
 - 2.2.7. Cawangan bank pihak ketiga yang terlibat
 - 2.2.8. Cawangan dan Saluran Jualan Etiqa
- 2.3. Permohonan Peserta Yang Layak mestilah diluluskan pada atau sebelum 31 Julai 2022.

2.4. Terbuka kepada peserta bagi sijil perlindungan takaful pemilikan persendirian di bawah:

1. Pelan takaful Komprehensif, ATAU
2. Pelan takaful Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

yang tersedia di bawah pelan Takaful kereta Etiqa sahaja.

2.5. Tiada had minimum yang ditetapkan untuk pelan Takaful kereta Etiqa yang dilangani.

3. Pemenang & Ganjaran

3.1. “Pemenang” merujuk kepada tiga belas (13) pelanggan bertuah yang telah dipilih oleh Syarikat untuk menerima ganjaran bulanan berupa Perodua Bezza 1.0 AT atau ganjaran utama berupa BMW 320i Sport (“Ganjaran”).

Ganjaran	Jenama Kereta	Kuantiti
Ganjaran Utama	BMW 320i Sport	1x unit
Ganjaran Bulanan	Perodua Bezza 1.0 AT	12x unit

3.2. Kesemua Ganjaran yang dinyatakan turut disertakan bersama perlindungan asas Takaful Kereta Etiqa dan cukai jalan selama satu (1) tahun yang ditaja sepenuhnya oleh pihak Syarikat.

3.3. Pemenang akan dipilih menggunakan kaedah rawak secara dalam talian setiap bulan bermula dari Tempoh Kempen berlangsung. Pengumuman akan dibuat secara bulanan di (laman sosial FB/IG) bermula dari 15 September 2021.

Tarikh Pembaharuan Sijil Takaful Yang Layak	Ganjaran	Tarikh Pengumuman Pemenang
1 Ogos 2021 - 31 Ogos 2021	12x unit Perodua Bezza 1.0 AT (1x unit setiap bulan)	15 September 2021
1 September 2021 - 30 September 2021		15 Oktober 2021
1 Oktober 2021 - 31 Oktober 2021		15 November 2021
1 November 2021 - 30 November 2021		15 Disember 2021

1 Disember 2021 - 31 Disember 2021		17 Januari 2022
1 Januari 2022 - 31 Januari 2022		15 Februari 2022
1 Februari 2022 - 28 Februari 2022		15 Mac 2022
1 Mac 2022 - 31 Mac 2022		15 April 2022
1 April 2022 - 30 April 2022		17 Mei 2022
1 Mei 2022 - 31 Mei 2022		15 Jun 2022
1 Jun 2022 - 30 Jun 2022		15 Julai 2022
1 Julai 2022 - 31 Julai 2022		15 Ogos 2022
1 Ogos 2021 - 31 Julai 2022	1x unit BMW 320i Sport	15 September 2022

- 3.4. Peserta Yang Layak akan berpeluang untuk dipilih sebagai Pemenang bulanan bagi cabutan bertuah pada bulan yang sama dengan pembaharuan sijil Takaful kereta miliknya dibuat. Sekiranya tidak memenangi hadiah bulanan, peserta tersebut masih berpeluang menjadi Pemenang bertuah untuk Ganjaran Utama yang akan diumumkan pada 15 September 2022.
- 3.5. Pemenang akan dihubungi oleh wakil Syarikat menerusi e-mel atau panggilan telefon untuk membuat pengesahan.
- 3.6. Tarikh penyerahan Ganjaran adalah tertakluk kepada proses logistik, tukar milik, pendaftaran, ketersediaan stok dan lain-lain urusan yang berkaitan.
- 3.7. Penyerahan Ganjaran bulanan akan dibuat di cawangan Perodua berdekatan dengan lokasi Pemenang.
- 3.8. Penyerahan Ganjaran utama akan dibuat di cawangan utama Syarikat di Dataran Maybank, Bangsar, Kuala Lumpur.
- 3.9. Sebarang kos pengambilan Ganjaran tidak akan ditanggung oleh pihak Syarikat.
- 3.10. Pemenang hanya layak menerima satu (1) Ganjaran sahaja dalam sepanjang Tempoh Kempen berlangsung.

- 3.11. Ganjaran yang diberikan akan dibalut sepenuhnya dengan pelekat kereta (*car wrap*) jenama Syarikat dan Pemenang tidak dibenarkan menjual semula Ganjaran yang diterima kepada mana-mana pihak lain dalam tempoh satu (1) tahun selepas Ganjaran diterima.
- 3.12. Ganjaran yang diberikan bukan bertujuan sebagai variasi terhadap terma-terma dan syarat-syarat di dalam sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk pada peraturan pemprosesan standard atau pengunderaitan Syarikat.
- 3.13. Ahli jawatankuasa kempen dan ahli pengurusan kanan Syarikat yang terlibat secara langsung dalam kempen ini tidak layak untuk menerima ganjaran.
- 3.14. Syarikat tidak bertanggungjawab ke atas kereta yang dimenangi Pemenang selepas penyerahan dibuat dan jika terdapat sebarang masalah yang dihadapi, Pemenang perlu menghubungi pembekal kereta tersebut secara terus.

4. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

- 4.1. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, peserta yang layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Syarikat berhubung dengan kempen ini adalah muktamad.
- 4.2. Syarikat berhak menarik balik, membatalkan, menangguhkan, melanjutkan atau menamatkan kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Syarikat. Syarikat juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal minimum dua puluh satu (21) hari kalendar dan notis tersebut akan diposkan di laman web Syarikat atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Syarikat dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuatkuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma-Terma dan Syarat-Syarat.
- 4.3. Syarikat tidak akan bertanggungjawab dan/atau tidak menanggung bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh peserta yang layak yang terhasil secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta yang layak dalam kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kegagalan dalam obligasinya di bawah kempen ini yang

disebabkan oleh sebarang kejadian *force majeure*, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, atau sebarang kejadian yang di luar kawalan munasabah Syarikat.

- 4.4. Dengan menyertai di dalam kempen ini, peserta yang layak bersetuju dan mengizinkan untuk data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Syarikat selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi"). Di samping itu, dan tanpa menjejaskan terma-terma di dalam Notis Privasi Syarikat, peserta yang layak bersetuju dan mengizinkan untuk data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Syarikat untuk:

- a) Tujuan-tujuan kempen ini;

aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk iklan atau media atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di internet, tanpa persetujuan lanjut daripada peserta yang layak. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan foto-foto yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap peserta yang layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Syarikat yang munasabah yang berkaitan dengan kempen ini.

- 4.5. Syarikat berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan penyertaan dan/atau menolak mana-mana peserta yang layak yang tidak mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan/atau dengan munasabah disyaki menyalahgunakan kempen dan/atau prosesnya atau operasi kempen ini. Penyalahgunaan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan kempen ini.
- 4.6. Terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi sebarang peruntukan atau perwakilan yang terkandung dalam sebarang aktiviti promosi yang mengiklankan kempen ini.
- 4.7. Terma-terma dan syarat-syarat ini tertakluk di bawah Undang-Undang Malaysia.